

Mencari penderma kaum Melayu

Penerima organ, Jamal dan Fikri mendapat peluang kedua selepas menjalani pemindahan organ lebih empat tahun lalu. Bagaimanapun, insan yang menyelamatkan mereka adalah penderma kadaverik bukan Melayu. Di manakah penderma organ Melayu?



Oleh ZAMRI RAMBLI
zamri.rambli@kosmo.com.my

“HELLO Encik Jamal, you nak buah pinggang tak, ada orang nak derma.” Demikian bunyi suara seorang lelaki di hujung corong telefon yang mendakwa doktor dari Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Panggilan telefon itu menyebabkan Jamal Jamlus, 45, terfikir lelaki itu seolah-olah membuat tawaran jualan barangan murah, tetapi pada masa yang sama hatinya berdebar dan fikiran berkecamuk.

Menurut Jamal, oleh kerana sudah terbiasa menjalani rawatan dialisis, dia merasakan mungkin lebih baik hidupnya terus begitu.

Dia juga tertanya-tanya adakah dia dapat hidup seperti biasa selepas mendapat organ baru.

“Sejak didiagnosis menghidap penyakit buah pinggang pada tahun 1997, bayangkan selama 10 tahun saya menjalani dialisis tiga kali seminggu.

“Bahkan, selama tempoh itu jugalah saya menunggu penderma buah pinggang sehingga hampir pernah berputus asa,” ujar Jamal yang bekerja sebagai Koordinator Projek di Berjaya Roasters, Kuala Lumpur itu ketika ditemui baru-baru ini.

Namun, ketika perasaannya berbelah bahagi, Jamal menguatkan semangat bergegas ke Pusat Sumber Pemindahan Organ Kebangsaan HKL pada malam dia menerima panggilan telefon itu.

Keesokan hari, seawal pukul 6 pagi, Jamal sudah menjalani pemeriksaan kesihatan. Dia masuk ke bilik bedah tiga jam kemudian.

Pembedahan transplan perlu dilakukan seberapa segera untuk mengelakkan buah pinggang penderma kadaverik (penderma meninggal dunia) itu rosak.

Melihat air kencing

“Selepas tujuh jam menjalani pembedahan, saya tidak tahu sama ada saya sudah dapat buah pinggang baru atau tidak, sebab saya tidak rasa apa-apa perbezaan. Ketika itu cuma saya terasa sakit kerana kesan luka pembedahan.

“Sehinggalah apabila tiba-tiba saya terasa hendak terkencing. Selama 10 tahun, saya tidak pernah melihat air kencing saya sehinggalah pada hari itu. Ketika itulah saya percaya di dalam badan saya sudah ada buah pinggang baru,” ujar Jamal yang tidak pernah mengenali penderma kadaverik itu kecuali sedikit latar belakangnya.

Berkongsi kisah selepas empat tahun hidup dengan buah pinggang baru, akui Jamal, banyak perubahan yang berlaku dalam hidupnya.

Dahulu, pusat dialisis menjadi rumah keduanya. Hari ini dia tidak perlu lagi menjadi pengunjung setia pusat tersebut. Sebelum ini, atas ihsan syarikat, dia menerima gaji mengikut jam dia bekerja kerana kerap sakit, sebaliknya pada masa kini dia boleh bekerja sepenuh masa.

Dahulu, dia sukar berjalan jauh ke-

rana kesukaran menjalani rawatan dialisis, hari ini Jamal sudah pergi bercuti di dalam dan luar negara.

“Hidup saya lebih bebas dan tidak perlu terikat atau tergesa-gesa untuk menjalani dialisis. Cuma saya perlu mengambil sejenis ubat *immunosuppressant* sebanyak 14 biji sehari supaya tubuh saya boleh menerima organ baru ini,” ujarinya yang kini menetap di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur.

Bakal memasuki tahun kelima menerima jantung baru pada bulan Disember ini, Muhammad Fikri Nor Azmi, 20, sememangnya satu nama yang cukup dikenali dalam catatan sejarah transplan negara.

Pesakit jantung pertama di Asia yang menerima jantung mekanikal itu sebelum ini hanya memikirkan kematian kerana penyakit yang dihidapnya membolehkan dia bertahan kurang daripada 15 tahun. Fikri menghidap radang jantung atau miokarditis ketika umurnya 7 tahun. Lima tahun kemudian, keadaan jantungnya menjadi lebih teruk apabila jantungnya mengalami bengkak yang teruk dan gagal mengempang darah atau lebih dikenali *dilated cardiomyopathy*.

“Setiap hari saya terfikir adakah hari ini aku akan dapat jantung baru? Tetapi apabila lebih setahun setengah menunggu dan keadaan saya semakin kritikal saya tidak menaruh harapan,” ▶▶



FATIMAH Osman (kanan) sentiasa di sisi anaknya, Fikri semasa anak keduanya itu masih dirawat di IJN lima tahun lalu.

JAMAL mendapat peluang kedua untuk hidup apabila seorang penderma berketurunan Cina mendermakan ginjalnya.

Kementerian Kesihatan juga menganjurkan Promosi Pendermaan Organ di seluruh negara sepanjang kempen ini. Untuk maklumat mengenainya layari, www.agiftoflife.gov.my atau hubungi 1-800-88-9080.

Statistik Penderma Organ dan Tisu

	2000	01	02	03	04	05	06	07	08	09	10
Melayu	3	1	-	-	1	1	1	5	-	3	-
Cina	6	16	13	14	14	5	12	14	17	16	19
India	3	3	14	8	1	7	11	3	6	10	9
Lain-lain	1	4	3	3	-	-	1	3	3	-	1
Tidak diketahui	3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Statistik Pengikrar Menderma Organ

	2000	2001	2002	2003	2004	2005
Melayu	650	1,104	1,994	1,954	1,454	1,658
Cina	11,085	12,366	7,748	6,185	4,973	3,499
India	3,868	2,694	3,462	3,176	2,167	2,100
Lain-lain	540	429	376	201	267	235
Tidak diketahui	20	14	3	-	2	-

	2006	2007	2008	2009	2010
Melayu	1,837	2,279	2,747	4,919	1,815
Cina	4,822	4,067	6,53	6,563	4,274
India	3,165	2,374	2,738	3,669	2,322
Lain-lain	257	164	226	401	260
Tidak diketahui	-	1	-	2	-

Sumber: Pusat Sumber Pemindahan Organ Kebangsaan Hospital Kuala Lumpur

lanjutan pendermaan dalam bidang pendermaan. Menurut Fikri, sebelum mendapat jantung baru, dia tidak boleh keluar bersendirian kerana mudah penat dan risiko pengsan. Selepas mendapat jantung baru, hari ini dia lebih berdekari dan menaiki komuter atau LRT seorang diri.

Ketika usianya 15 tahun dia dibayangi kemungkinan berdepan dengan kematian jika jantungnya berhenti berdegup.

"Selepas pembedahan, saya dapat memaksimumkan fungsi tubuh. Antaranya, saya boleh ke sekolah, berjalan seorang diri tanpa ditemani sesiapa dan bersukan seperti bermain bola keranjang tanpa masalah biarpun selama sejam setengah di gelanggang.

"Malah, jika dulu saya hanya mendengar mengenai kemeriahan membeli-belah di Jalan Masjid India, hari ini saya berpeluang menjejakkan kaki ke sana. Di situ orang sangat ramai, saya rasa lebih penat dan letih membeli-belah berbanding bermain bola keranjang," seloroh Fikri dalam pertemuan bersama *Kosmo!* di The Loaf, Pavilion Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tiada penderma Melayu

Baik Jamal atau Fikri mereka berkongsi satu persamaan. Kedua-duanya menerima organ daripada penderma bukan Melayu. Jamal menerima ginjal daripada seorang belia Cina, manakala Fikri pula daripada seorang belia India.

Walaupun menjadi kelompok masyarakat majoriti, bahkan antara kaum yang paling ramai dalam senarai pesakit menunggu menerima organ, tetapi kebanyakan penderma kadaverik di Malaysia bukanlah terdiri daripada golongan Melayu.

Bayangkan tahun ini sahaja, sehingga September lalu tidak ada seorang pun penderma kadaverik (penderma yang meninggal dunia) berketurunan Melayu tampil untuk menderma. Ternyata ia satu senario yang sangat menyedihkan sehingga akhirnya menjadikan orang Melayu sendiri bagikan 'menagih' organ daripada orang bukan Islam di negara ini.

Di sebalik jawapan stereotaip seperti takut menderma, kekangan agama dan tidak tahu prosedur pendermaan organ antara sebab ra-

"Ramai yang kurang terdedah dengan pendermaan organ sehingga akhirnya wujud pelbagai persepsi. Ditambah pula dengan sikap orang Melayu yang tidak suka meluahkan hasratnya walaupun untuk kebaikan. Apabila mereka meninggal dunia, keinginan menderma organ tidak dapat ditunaikan.

"Apabila hasrat itu tidak dibincang dengan keluarga, mereka tidak membenarkan organ si mati didermakan kepada orang lain," kongsi Abu Bakar yang mewakili IKIM dalam Jawatankuasa Kempen Kesedaran Menderma Organ.

Apakah hukum menderma organ kepada orang bukan Islam? Terang Abu Bakar, tidak ada istilah organ Islam atau organ bukan Islam. Agama bukan terletak kepada organ tetapi pegangan akidah.

"Analoginya begini, jika seseorang itu menjual pisau, niatnya hanya untuk berniaga. Tetapi apabila pisau itu digunakan untuk melakukan jenayah, tanggungjawab itu bukan dijatuhkan kepadanya. Begitu juga dengan menderma organ, tanggungjawab kita selesai apabila kita menderma organ dengan niat ikhlas tanpa melanggar syarat seperti tidak ada unsur jual beli," katanya.

Tambah Abu Bakar yang bertugas di Pusat Kajian Teknologi dan Alam Sekitar IKIM, kepercayaan bahawa menderma organ si mati sebagai menyeksa mereka adalah tidak tepat.

"Kita dibangunkan nanti di Padang Mahsyar bukanlah berdasarkan kesempurnaan tubuh badan tetapi yang dihitng adalah amalan kita di dunia," katanya ketika dihubungi.

BERSYUKUR kerana ada insan mulia mendermakan jantung untuknya, Fikri sehingga aktif menyertai pelbagai aktiviti kempen pendermaan organ.

